

Bil. 54

Selasa

19 November 2019



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Penyelesaian Banjir di Kawasan Kampung Trolak Pekan,
Kampung Klah Baru dan Felda Trolak Utara**
- *YB. Tuan Chang Lih Kang (Tanjong Malim)* [Halaman 1]
- **Pelaksanaan Program MySalam yang Mencurigakan**
- *YB. Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam)* [Halaman 3]

**MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Selasa, 19 November 2019

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming)
mempengerusikan Mesyuarat]*

**UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Penyelesaian Banjir di Kawasan Kampung Trolak Pekan,
Kampung Klah Baru dan Felda Trolak Utara**

2.32 ptg.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Dalam bulan Oktober yang lalu, beberapa tempat di dalam kawasan Parlimen Tanjong Malim telah dilanda musibah banjir yang serius. Kawasan-kawasan tersebut termasuk Kampung Trolak Pekan, Kampung Klah Baru dan FELDA Trolak Selatan. Puluhan keluarga mangsa terpaksa berpindah ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS). Mereka juga terpaksa menanggung kerosakan harta-benda yang diakibatkan oleh bencana banjir.

Menurut penduduk di kawasan-kawasan tersebut, banjir memang berlaku hampir setiap tahun. Namun, banjir pada tahun ini berlaku dengan kekerapan dan magnitud yang luar biasa. Pada 17 dan 18 Oktober, Kampung Trolak Pekan dan Kampung Klah Baru berlaku dua kali banjir dalam masa 24 jam. Ini telah mendatangkan kesukaran dan kesulitan kepada kehidupan penduduk di kawasan tersebut.

Maka, saya ingin meminta jasa baik kerajaan terutamanya Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk memberi jawapan kepada soalan-soalan yang berikut:

- (i) apakah punca banjir di kawasan-kawasan tersebut;
- (ii) apakah tindakan yang akan dilakukan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah banjir ini; dan

- (iii) apakah strategi menyeluruh untuk memastikan banjir tidak akan berlaku lagi di kawasan-kawasan tersebut.

Sekian, terima kasih.

2.35 ptg.

Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya daripada Tanjong Malim. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan sejahtera.

Kampung Trolak Pekan, Kampung Klah Baru dan FELDA Trolak Utara adalah kampung yang terletak di dala kawasan perladangan kelapa sawit yang berkeluasan 25,000 hektar. Punca kejadian banjir di kawasan yang berkenaan adalah seperti berikut:

- (i) air larian hujan yang banyak dari kawasan perladangan memasuki sungai dalam kadar yang sangat pantas. Kadar yang pantas ini disebabkan kurangnya kawasan tadahan semula jadi hutan dan pembersihan kawasan bagi penanaman semula kelapa sawit. Pembersihan penanaman semula kelapa sawit ini menyebabkan air larian hujan membawa bersama lumpur mengalir masuk ke dalam sungai dan mengakibatkan sungai menjadi cetek; dan
- (ii) pertambahan air larian ini menyebabkan kapasiti sungai yang berhampiran tidak dapat menampung air larian berkenaan dan berlaku limpahan pada kawasan rendah terutama kawasan penempatan penduduk. Berdasarkan rekod bacaan hujan yang turun pada tarikh berkenaan adalah lebih banyak daripada normal iaitu 80mm berbanding dengan bacaan hujan normal menyebabkan sungai tidak dapat menampung pertambahan hujan berkenaan.

Tindakan jangka pendek yang perlu dilakukan adalah dengan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan sungai. Kerja-kerja penyelenggaraan sungai adalah tanggungjawab kerajaan negeri. Kerajaan Persekutuan juga telah menyalurkan peruntukan bagi Program Pemuliharaan Sungai untuk mengurangkan risiko banjir pelbagai negeri. Antara tindakan jangka pendek yang sedang dilaksanakan bagi mengatasi masalah banjir ini di bawah peruntukan ini adalah:

- (i) kerja-kerja mengorek pulih dan meninggikan ban Sungai Trolak Pekan bagi mengurangkan risiko banjir Daerah Batang Padang serta kerja-kerja berkaitan; dan

- (ii) kerja-kerja mengorek pulih memperkukuhkan ban pencegah banjir dan membina struktur kawalan banjir di Sungai Klah di Kampung Klah Baru Daerah Batang Padang.

Strategi menyeluruh bagi memastikan banjir tidak akan berlaku lagi di kawasan-kawasan yang berkenaan adalah dengan memohon peruntukan bagi pelaksanaan projek. Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli melalui Jabatan Pengairan dan Saliran sangat komited dalam menyelesaikan isu-isu banjir di seluruh negara termasuklah di kawasan Tanjong Malim.

Walau bagaimanapun, perancangan secara teliti perlu dibuat bagi memastikan projek yang akan dilaksanakan dapat memberi manfaat kepada rakyat dengan lebih menyeluruh. Buat masa ini, permohonan peruntukan bagi mengatasi masalah banjir akan dipohon mengikut keutamaan tahap kritikal kawasan-kawasan yang terbabit. Peruntukan yang akan dipohon di bawah RMKe-12 adalah:

- (i) Rancangan Tebatan Banjir Sungai Trolak di dalam RMKe-12 bagi mengurangkan risiko banjir di Kampung Trolak Pekan; dan
- (ii) Rancangan Tebatan Banjir Sungai Klah di dalam RMKe-12 bagi mengurangkan risiko banjir di Kampung Felda Trolak Utara dan Kampung Klah Baru.

Terima kasih.

Pelaksanaan Program MySalam Yang Mencurigakan

2.39 ptg.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan Pakatan Harapan telah melancarkan Skim Perlindungan Nasional B40 atau skim MySalam pada Januari 2019. Skim tersebut dikatakan mampu memanfaatkan 3.69 juta penerima terdiri daripada kumpulan B40 yang juga penerima Bantuan Sara Hidup Rakyat 2019 (BSHR).

■1440

Menerusi inisiatif ini, kerajaan telah menjelaskan bahawa skim mySalam akan diperkenalkan dengan sumbangan permulaan sebanyak RM2 bilion bagi tempoh 5 tahun daripada Great Eastern yang merupakan sebuah syarikat dari Singapura dan sebagai balasan, Great Eastern telah diberi kelonggaran dalam mematuhi syarat syarikat pelaburan asing yang perlu memberikan saham sebanyak 30 peratus kepada pemegang saham tempatan.

Oleh yang demikian, saya minta kementerian untuk menjelaskan persoalan berikut iaitu yang pertama, mengikut minit Mesyuarat Agung Tahunan Great Eastern Holdings, April 2019 dalam laman webnya, Pengerusi Great Eastern Holdings menyatakan bahawa dana RM2 bilion untuk skim mySalam masih belum dibayar kepada mySalam *trust fund*. Jikalau begitu, bilakah ianya akan dibayar? Apakah sebab ianya belum dibayar dan kenapakah pihak Kementerian Kewangan sudah memberikan Great Eastern Holdings (GEH) pengecualian daripada *divestment condition* sedangkan duit tersebut belum lagi dibayar.

Kedua, menurut laporan *The Edge Markets* bertarikh 4 Februari 2019, wang bagi MySalam ini akan dibayar daripada *estate fund* ataupun daripada lebihan (*surplus*) dalam *participating funds Great Eastern Life Insurance Malaysia* (GELM) dan turut melaporkan jumlah dalam lingkungan RM10 bilion. Dana untuk mySalam ini akan dibayar oleh pemegang polisi di dalam *participating funds* Great Eastern dan bukannya daripada keuntungan FELM ataupun GEH. *Estate fund* ataupun surplus yang diambil keluar dari dana *participating funds* sepatutnya diagihkan mengikut nisbah 90:10 iaitu 90/10 *profit sharing rule* di mana 90 peratus harus dibayar kepada pemegang polisi dan hanya 10 peratus kepada pemegang saham.

Jadi mengikut nisbah ini jikalau RM2 bilion dikeluarkan dari dana itu bermaksud hanya RM200 juta sahaja yang boleh diperuntukkan untuk pemegang saham dan selebihnya untuk pemegang polisi. Soalannya, apakah implikasi dari segi perundangan jika kita tidak mengikut prinsip 90/10 *profit sharing rule* ini dan adakah ini beraplikasikan prinsip keadilan untuk pemegang polisi sekiranya kita tidak menurut nisbah *profit sharing rule* berkenaan.

Ketiga, berdasarkan kaedah *appraisal value* yang menggunakan nisbah *embedded value* seperti yang dilaporkan dalam laporan tahunan GELM pada Disember 2018, berapakah nilai harga sebenar 30 peratus penilaian GELM memandangkan nisbah 1.8 kali jumlah *embedded value* inilah yang diguna pakai apabila ING Malaysia dijual kepada AIA pada tahun 2012.

Seterusnya keempat, apakah kerajaan telah memberikan akses sepenuhnya kepada Great Eastern untuk mendapatkan data peribadi rakyat Malaysia bagi mereka memasarkan polisi insurans tambahan yang lain. Terima kasih.

2.43 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam. Bagi menjawab perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam bahagian satu dan dua.

Syarat pelupusan saham kepada tahap tidak melebihi 70 peratus oleh pemegang saham asing bertujuan untuk mencapai manfaat jangka panjang bagi Malaysia termasuk untuk

menggalakkan perkongsian kekayaan dalam kalangan warganegara Malaysia dan meningkatkan penembusan insurans dan takaful di Malaysia melalui pembangunan produk yang inklusif.

Sejajar dengan objektif tersebut, pemegang saham asing diberikan pilihan untuk menyumbang kepada Dana Perlindungan Nasional B40 bagi memberikan perlindungan dalam bentuk bantuan pendapatan gantian kepada golongan B40 yang menghadapi kesulitan ataupun kejutan kewangan akibat penyakit kritikal dan kemasukan ke hospital. Sumbangan kepada tabung amanah mySalam ini dapat memanfaatkan sejumlah bilangan rakyat Malaysia yang besar di kalangan golongan yang memerlukan berbanding daripada membuat bayaran yang hampir sama besar kepada pemegang saham asing Great Eastern Holdings Limited yang hanya akan menguntungkan segelintir pihak seperti pelabur dan institusi kewangan awam.

Salah satu matlamat utama skim mySalam adalah untuk mewujudkan kesedaran dan keyakinan yang lebih tinggi mengenai insurans dan takaful dalam kalangan golongan B40 dan seterusnya menggalakkan rakyat untuk beralih kepada produk insurans dan takaful swasta kelak. Sebarang pengeluaran daripada dana insurans *participating life* tertakluk kepada peruntukan undang-undang dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan keperluan pengawalseliaan yang ditentukan oleh pihak Bank Negara Malaysia untuk melindungi kepentingan dan memastikan layanan adil (*fair treatment*) terhadap pemegang polisi insurans yang berkaitan.

Setengah syarikat insurans sudah lama wujud mempunyai lebih ataupun surplus terkumpul yang besar selama bertahun-tahun dalam dana insurans masing-masing sebelum keperluan pengawalseliaan khusus diperkenalkan. Prinsip asas layanan adil kepada pemegang polisi terus terpakai bagi sebarang pengeluaran daripada *estate funds* dan dana insurans lain.

Walau bagaimanapun, disebabkan pengumpulan *estate funds* adalah dari pelbagai sumber dan generasi pemegang polisi berbeza yang lalu, pihak Bank Negara Malaysia telah mengenakan proses tambahan bagi sebarang pengeluaran untuk memastikan prinsip layanan adil pemegang polisi kekal terpelihara. Ini termasuk penilaian bebas oleh pakar profesional yang berkecualan terhadap syarat-syarat pengeluaran daripada dana insurans yang perlu dipatuhi. Pada masa kini, skim mySalam dibiayai oleh Great Eastern Holdings Limited sehingga penilaian bebas tersebut dimuktamadkan sebelum akhir tahun ini.

Bagi menjawab perkara tiga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam; seperti yang dipaparkan melalui laman web mySalam, pihak kerajaan telah menetapkan bahawa sumbangan kewangan perlu sepadan dengan anggaran jumlah keuntungan jangka panjang bahagian saham yang perlu dilupuskan oleh pemegang saham asing. Ini dijangka bernilai sehingga 10 hingga 12 kali purata keuntungan tahunan syarikat insurans di Malaysia bagi bahagian saham yang perlu dilupuskan oleh pemegang saham asing.

Skim mySalam di*underait* dan diuruskan oleh penanggung insurans dan pengendali takaful pada harga kos manakala keuntungan seperti premium yang tidak dituntut akan dikembalikan kepada dana skim tersebut. Selain itu, penanggung insurans dan pengendali takaful yang terlibat juga perlu mencapai standard ciri-ciri produk dan perkhidmatan yang memberikan akses yang mudah, senang difahami dan mudah membuat tuntutan manfaat.

Syarikat insurans dan pengendali takaful yang menyumbang kepada atau menguruskan skim mySalam dikehendaki mematuhi segala undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan perlindungan dan kerahsiaan data termasuk Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (*Personal Data Protection Act 2010*). Ahli Lembaga Pemegang Amanah Dana Perlindungan Nasional B40 yang terdiri daripada wakil Kementerian Kewangan, Kementerian Kesihatan dan pakar profesional industri menetapkan dan memantau peraturan penggunaan dan perlindungan data skim mySalam.

Menerusi skim ini, data B40 yang menyeluruh yang dikumpul secara agregat sepanjang tempoh skim tersebut boleh diakses oleh syarikat insurans dan takaful lain untuk menyokong pembangunan produk dan penentuan harga yang lebih tepat dan mampan bersesuaian dengan keperluan golongan B40. Pada masa ini, produk-produk sedemikian terhad kerana kekurangan data tentang B40 menjadi cabaran kepada industri untuk menyediakan dan menentukan harga produk. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Rabu 20 November.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.49 petang]